

31 DEC 2001

Cuepacs-Jelas

CUEPACS BERI PENJELASAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) telah menulis surat kepada Perdana Menteri mengenai cadangan supaya kemudahan pemeriksaan kesihatan bagi kakitangan awam yang mencapai usia 40 tahun, diperluaskan kepada kumpulan sokongan.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abd Rahman Manan dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata kongres itu menjelaskan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengapa kemudahan tersebut, yang kini dinikmati oleh pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, harus diberi kepada kumpulan Sokongan I dan II.

Surat bertarikh 31 Dis 2001 itu juga menyuarakan harapan Cuepacs supaya kerajaan menimbangkan perkara itu dengan kadar segera.

Kemudahan pemeriksaan kesihatan itu adalah mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 1969 bertarikh 28 Okt dan Bilangan 5 Tahun 1996 bertarikh 26 Mac, 1976.

Menurut Abd Rahman cadangan berkenaan telah dibawa oleh Cuepacs melalui Mesyuarat Kesembilan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-Pekerja Am Dalam Kumpulan Sokongan pada 6 Julai lalu di Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Hasil daripada perbincangan tersebut Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Kementerian Kesihatan bersetuju mengkaji cadangan bagi memanjangkan kemudahan pemeriksaan kesihatan kepada anggota sektor awam dalam kumpulan sokongan.

"Bagaimanapun sehingga kini Cuepacs belum lagi mendapat keputusan daripada kerajaan," katanya.

Sementara itu, dalam satu kenyataan media berasingan, Cuepacs menyifatkan saranan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan menyegerakan proses kemasukan lebih 800,000 kakitangan awam dalam Skim Perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebagai tidak berbangkit.

Isu berkenaan telah ditimbulkan oleh Presiden MTUC Senator Zainal Rampak.

Abd Rahman berkata ini kerana kerajaan telah bersetuju supaya skim Ex-Gratia kakitangan awam yang sedia ada ditingkatkan supaya menyamai faedah yang disediakan menerusi Skim PERKESO.

Katanya kerajaan telah melaksana Skim Ex-Gratia yang baru itu mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2001 dan beliau meminta semua kakitangan awam yang terlibat dengan kemalangan atau ingin membuat tuntutan hendaklah merujuk kepada pekeliling tersebut.

-- BERNAMA

FA ZS LAT